

25 MAR 1998

Agong-Watikan

AGONG TERIMA WATIKAH DUTA DJIBOUTI DAN IVORY COAST

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menerima watikah perlantikan daripada dua orang duta dari benua Afrika iaitu bakal Duta Republik Djibouti, Rachad Ahmed Saleh Farah, 48, dan Duta Republik Ivory Coast Patrice Koffi Annoh, 53, di Istana Negara di sini.

Seri Paduka Baginda dalam ucapan menyambut Duta Djibouti berkata, Malaysia menyokong beberapa inisiatif yang telah diusahakan negara itu untuk mencari penyelesaian terhadap konflik di Somalia dan Sudan secara aman.

"Malaysia sentiasa mengikuti dengan penuh minat akan perkembangan di rantau kecil Horn of Africa dan beta merasa gembira apabila mengetahui bahawa beberapa inisiatif penting telah diambil oleh Presiden Hassan Gouled Aptidon untuk mencari penyelesaian secara aman terhadap konflik di rantau itu," titah Seri Paduka.

Rachad Ahmed merupakan duta pertama republik itu ke Malaysia dan pada masa yang sama mewakili negara itu bagi Jepun, Korea, Singapura dan China.

Djibouti merupakan negara di benua Afrika yang terletak di bahagian selatan pintu masuk ke Laut Merah atau dikenali sebagai "Horn of Africa" dan majoriti penduduknya beragama Islam.

Dalam ucapan menyambut duta Ivory Coast, Koffi Annoh pula, Tuanku Ja'afar bertitah bahawa terdapat peluang yang luas untuk kedua-dua negara meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang terutamanya perdagangan, pertanian, pembangunan sumber manusia dan pemindahan teknologi.

Sehubungan itu, Seri Paduka bertitah lawatan pegawai-pegawai daripada sektor awam dan swasta kedua-dua negara harus digalakkan untuk memudahkan persefahaman dan perkongsian pengalaman.

"Beta turut merasa bangga Republik Ivory Coast telah membuat sumbangan penting ke arah usaha mencari penyelesaian secara aman di dalam krisis Liberia dan Sierra Leone," titah Seri Paduka.

Koffi Annoh sebelum ini merupakan duta republik itu ke China, Korea, Thailand dan kini turut berkhidmat sebagai duta republik itu ke Jepun.

Ivory Coast terletak di pantai barat benua Afrika dan bersempadan dengan Ghana, Liberia, Guinea, Mali dan Burkina Faso.

Kedutaan kedua-dua republik itu terletak di Tokyo, Jepun.

Dalam ucapannya, Rachmad Ahmed berkata Malaysia diagumi oleh dunia Islam dan negara-negara Afrika kerana tahap pembangunan serta perpaduannya.

"Negara anda bukan sahaja telah bersatu dalam Asia tetapi juga pada peringkat antarabangsa," kata duta Djibouti itu.

Beliau berkata, beberapa mesyuarat terkemuka antarabangsa telah berlangsung di Malaysia yang mana bukti dinamisme dan keghairahan datang daripada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Koffi Annoh dalam ucapannya berkata Malaysia dan Ivory Coast memperjuangkan keamanan, pembangunan sosial dan budaya di peringkat antarabangsa.

Untuk mencapai matlamat ini, beliau berkata kedua-dua negara menekankan perindustrian dan tambah nilai bagi bahan mentah supaya lebih berdaya saing di pasaran dunia. -- BERNAMA

HJ PR